

# Konsep Interaksi Kekeluargaan Mualaf dengan Ibu Bapa Bukan Muslim Menurut Syarak

**BITARA**

Volume 3, Issue 2, 2020: 1414-149  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Concept of Family Interactions Between Mualaf and Non Muslim's Parents According to Syarak]

Umi Amirah Harun & Zuliza Mohd Kusrin<sup>1</sup>

### Abstrak

Konteks hubungan kekeluargaan terjadi disebabkan suatu kelompok unit sosial yang melibatkan ibu bapa dengan anak-anak dalam menghasilkan proses interaksi atau komunikasi. Namun begitu, amalan memeluk Islam lazimnya mencetuskan stigma tentang kelangsungan hubungan kekeluargaan mualaf dengan ibu bapa bukan Muslim. Ramai yang menganggap bahawa apabila salah seorang memeluk Islam, maka terputus hubungan kekeluargaan bersama keluarga asal mereka. Artikel ini bertujuan mengkaji hubungan interaksi kekeluargaan mualaf dengan ibu bapa bukan Muslim menurut syarak dan membincangkan kewajipan seorang mualaf terhadap ibu bapa bukan Islam. Metodologi kajian ialah analisis dokumen berdasarkan nas al-Qur'an, al-Sunnah dan kajian lalu. Data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan dipersembahkan mengikut tema berkaitan. Hasil kajian mendapati seseorang mualaf wajib melaksanakan tuntutan tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap kedua ibu bapa di samping turut mengekalkan hubungan interaksi kekeluargaan yang baik dan berterusan seperti yang telah ditetapkan oleh syarak. Tuntutan tanggungjawab seorang anak terhadap kedua ibu bapa menurut syarak adalah seperti tanggungjawab menghormati dan menyayangi, tanggungjawab menziarahi, tanggungjawab memberi nafkah dan tanggungjawab menghadiri upacara pengebumian selagi tidak bertentangan dengan Islam. Implikasi perbincangan menunjukkan keperluan mendidik masyarakat bahawa memeluk agama Islam bukan bermaksud terputus hubungan kekeluargaan yang berlainan agama.

### Kata kunci:

interaksi kekeluargaan, mualaf, syarak, tanggungjawab

### Abstract

The context of family relationship occurs because of groups of social units that involve parents and children in the process of interacting or communicating. However, the practice of converting to Islam has often triggered a stigma regarding the continuation of the family relationship with non-Muslim parents. Many consider that when one converts to Islam, they lose family relationships with their families. This article aims to study the relationship of the family's relationship with non-Muslim parents according to Islamic law and discuss on mualaf's responsibilities toward his non-muslim parents. The methodology of this study is analysis of documents based on the Qur'an, the Sunnah and previous studies. Collected data were analysed descriptively and presented according to its related themes. The results show that a person must fulfil the demands of responsibility as a child to both parents while also maintain good and ongoing family interaction as established by Islamic law. The

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

#### Corresponding Author:

Zuliza Mohd Kusrin, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: zuli@ukm.edu.my

demands of a child's responsibility to both parents in accordance with the Islamic law are such as respecting and loving, visiting, giving maintenance, attending funerals. The implication of this study shows the needs to educate society that conversion to Islam is not meant to cut off their family ties.

**Keywords:**

Family interaction, converts, syarak, responsibility.

**Cite This Article:**

Umi Amirah Harun & Zuliza Mohd Kusrin. 2020. Konsep interaksi kekeluargaan mualaf dengan ibu bapa bukan Muslim menurut syarak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 141-149.

## Pengenalan

Hubungan kekeluargaan lazim berhadapan dengan pelbagai masalah dalam membentuk hubungan interaksi yang baik atau berterusan tambahan lagi jika melibatkan ahli keluarga berbeza agama. Hal ini kerana perbezaan agama turut melibatkan kehidupan sehari-hari dan kehidupan semasa mualaf dalam isu kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan (Suraya, 2012). Menurut Azarudin & Khadijah (2014) hubungan kekeluargaan kebanyakannya mualaf dengan keluarga bukan Muslim adalah tegang. Kesan yang mendalam dalam diri seseorang mualaf pada asalnya bukan Melayu menyebabkan mereka ini berada dalam dilemma dari segi tingkah laku, pengamalan gaya hidup, kehidupan sosial dan sebagainya (Razaleigh et. al. 2010). Akibatnya, golongan mualaf ini dianggap golongan yang mengkhianati asal-usul, keturunan, budaya, warisan dan agama nenek moyang oleh masyarakat bukan Islam sekaligus mencetuskan kemarahan ibu bapa mereka kerana perbuatan mereka ‘masuk Melayu’ seperti meninggalkan kehidupan silam (Che Ku Shalihah, 2004). Hubungan dengan keluarga bukan Muslim juga mengalami tempoh agak lama dalam penerimaan semula ahli keluarga yang memeluk Islam (Nuraisyah 2006). Bahkan golongan mualaf ini turut mendapat tentangan hebat dari keluarga kandung sendiri dengan bersikap memulau seperti tidak mengaku anak, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan memutuskan segala perhubungan terutama sekali dari segi kekeluargaan (Nur A’thiroh Masyaa’il Tan, 2007).

Artikel ini mengkaji hubungan interaksi kekeluargaan mualaf dengan ibu bapa bukan Muslim menurut syarak. Oleh itu, fokus artikel ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu konsep interaksi kekeluargaan, pensyariatan menjalankan hubungan baik antara Muslim dengan ibu bapa bukan Muslim dan hubungan interaksi kekeluargaan mualaf dengan ibu bapa bukan Muslim.

## Konsep Interaksi Kekeluargaan

Konsep interaksi kekeluargaan boleh difahami dengan merujuk kepada definisi-definisi berikut. Kamus Dewan (2017) mendefinisikan interaksi sebagai suatu tindakan terhadap proses perhubungan yang aktif antara satu sama lain. Sesebuah interaksi memerlukan proses perhubungan dalam komunikasi antara satu sama lain melalui sentuhan (*contact*) secara sosial yang melibatkan setiap pihak dengan memaparkan gambaran reaksi tanpa memerlukan

sentuhan secara fizikal. Ibnu Manzur (2003) menjelaskan interaksi merupakan elemen yang dikenali sebagai dialog atau dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-hiwar* dan *al-muhawarah* iaitu perbualan, perbincangan, percakapan yang melibatkan komitmen yang tinggi antara dua pihak atau lebih.

Definisi kekeluargaan adalah hal berkaitan keluarga atau perhubungan dalam sesuatu keturunan atau disebabkan perkahwinan (Kamus Dewan, 2017). Hubungan kekeluargaan ini dikaitkan dengan hubungan suami isteri, ibu bapa, anak-anak, datuk atau nenek, adik beradik, saudara mara dan sebagainya tanpa mengira pertalian jauh maupun dekat (Nur Najwa Hanani & Razaleigh, 2017). Menurut Gpeda (1988) ibu dan anak adalah satu unit sosial yang menghasilkan interaksi atau komunikasi dalam sesebuah keluarga. Apabila sesuatu komunikasi antara anak dan ibu bapa jelas, maka ini akan membuka peluang untuk berinteraksi secara baik malah ikatan kekeluargaan akan turut memberi ruang untuk bermesra dan bertukar-tukar pendapat sesama mereka.

Dalam konteks interaksi antara agama melalui perbezaan agama ialah penjelasan tentang kebenaran agama, mengelak salah fahaman antara pengikut dan membentuk jalinan persefahaman di samping mampu menjamin hubungan kelangsungan dan keharmonian dalam kehidupan bersama (*peaceful co-existence*) (Mohd Farid Shahran, 2008).

Panduan interaksi kekeluargaan dalam Islam boleh difahami berdasarkan beberapa ayat al-Qur'an seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' 4: 19, yang bermaksud: "Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik".

Menurut tafsir al-Jalalayn (2006) ayat tersebut bermaksud menjaga hubungan baik suami terhadap isteri terutama sekali pertuturan atau perbuatan yang baik dan juga tentang nafkah. Ia juga merangkumi hubungan pergaulan yang baik seluruh interaksi dalam institusi kekeluargaan tersebut, dalam menonjolkan perasaan sayang, emosi dan belas kasihan yang dianugerahkan Allah SWT. Seterusnya penegasan menjaga hubungan kekeluargaan seperti firman Allah SWT dalam surah an-Nisaa' 4:1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ تُفْلِسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا  
اللَّهَ الَّذِي شَسَّأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْضَ حَمَّ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَّقِيبًا

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (siraturrahim) kaum kerabat ; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan (mengawas) kamu".

## Pensyariatan Menjalinkan Hubungan Baik antara Muslim dengan Ibu Bapa Bukan Muslim

Pembentukan sesuatu interaksi merupakan dialog kehidupan yang berasaskan konsep ‘*li ta’arafu*’ (saling kenal mengenali) seperti yang dijelaskan al-Quran dalam surah al-Hujurat 49:13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُورًا وَقَبَائِلَ لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ خَيْرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

*Al-Sulh* juga berpendapat bahawa ‘*li ta’arafu*’ antara Muslim dan bukan Muslim adalah untuk membina dan memupuk situasi damai dan harmoni di antara mereka (Andek Masnah Andek Kelawa, 1998). Dasar interaksi dalam Islam menggariskan untuk berlaku adil kepada orang bukan Islam dan kerana golongan bukan Islam mempunyai hak-hak yang perlu dihormati (Aminudin & Akila Mamat, 2012).

Pensyariatan Islam dalam menjaga hubungan kekeluargaan amat menegaskan hubungan antara Muslim dengan kerabat bukan muslim terutamanya kedua orang tua, seperti firman Allah SWT dalam surah Luqman 31: 15:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهِمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ فَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ إِلَيَّ إِنَّمَّا مَرْجِعُكُمْ فَإِنْتُمْ كُلُّنُّمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuat denganKu sesuatu yang engkau – dengan fikiran sihatmu – tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka ; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semua, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan”.

Contoh lain ialah dalam hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim tentang Asma’ binti Abu Bakar yang bertanyakan kepada Rasulullah SAW tentang hubungan kekerabatan dengan ibunya yang kafir. Dalam kitab *al-Mausuah al-Fiqhiah* (1986) 6: 258 pula menjelaskan:

وَمِنَ الواجب عَلَى الْمُسْلِمِ بَرِ الْوَالِدِينَ وَإِنْ كَانَا فَاسِقِينَ أَوْ كَافِرِينَ، وَتَجْبَ طَاعَتَهُمَا فِي غَيْرِ مُعْصِيَةِ اللَّهِ تَعَالَى، فَإِنْ كَانَا كَافِرِينَ فَلِيَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا، وَلَا يَطْعَهُمَا فِي كُفْرٍ وَلَا فِي مُعْصِيَةِ اللَّهِ تَعَالَى

Maksudnya: “Salah satu kewajipan seorang Muslim adalah berbakti kepada kedua orang tua walaupun dia fasiq (pendosa) atau kafir. Dan wajib taat pada mereka selain daripada perkara maksiat pada Allah. Apabila mereka kafir, maka perlakuanlah mereka dengan baik di dunia dan jangan mentaati mereka dalam soal kekufuran dan kemaksiatan”.

Seseorang anak tidak akan terlepas tanggungjawab kepada kedua orang tuanya, seperti firman Allah SWT dalam surah Luqman 31:14:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّ وَفِصَالُهُ فِي عَامِينِ أَن اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكِ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

Maksudnya: “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung sehingga akhir menyusu), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu ; dan (ingatlah) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)”.

Kesimpulannya dua perkara yang berkaitan mualaf dengan ibu bapa iaitu pertama wajib mengekalkan hubungan interaksi kekeluargaan yang baik dan wajib melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap ibu bapa, seperti yang ditetapkan oleh syarak.

## Hubungan dengan Ibu Bapa Bukan Muslim

Berbuat baik dengan ibu bapa merupakan tuntutan fardu ‘ain, selagi mana kedua ibu bapa sama ada Islam atau bukan Islam tidak menyuruh untuk melakukan syirik dan perkara yang bertentangan dengan Islam. Perintah Allah SWT dalam surah Al-Nisa 4: 36:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa”.

Rasulullah SAW juga menyebut dalam riwayat hadis Bukhari berkenaan kelebihan berbakti kepada kedua ibu bapa. Daripada Abdullah bin Mas’ud berkata:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ عَلَىٰ مِيقَاتِهَا. قُلْتُ: ثُمَّ أَيْ؟ قَالَ: ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ. قُلْتُ: ثُمَّ أَيْ؟ قَالَ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: “Aku bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan amalan apakah yang paling afodal, lalu Baginda menjawab: “Solat pada waktunya.” Kemudian aku bertanya lagi, apakah amalan yang seterusnya? Jawab Baginda: “Berbakti kepada

kedua ibubapa.” Kemudian aku bertanya, apakah lagi seterusnya? Jawab Baginda: “Berjihad di jalan Allah.”. (al-Bukhari. Kitab Sahih Bukhari. Kitab *Jihad Wa Sirr*. Bab *Fasal Jihad Wa Sirr*. No Hadis 2782).

Berikut adalah beberapa tanggungjawab yang boleh diterapkan dalam Islam bagi mengeratkan hubungan antara ibu bapa bukan Muslim dengan mualaf:

a. Tanggungjawab Menghormati dan Menyayangi

Menurut Islam, amalan menghormati dan menyayangi sesama manusia disukai Allah SWT terutama sekali terhadap kedua orang tua dengan mendoakan kesejahteraan mereka supaya dirahmati dan dicucuri rahmat seperti yang digambarkan dalam surah al-Isra’ 17: 24:

وَاحْفُظْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلْلِ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا -

Maksudnya: “Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah, “Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil”.

Contohnya sikap lemah-lembut, bertutur kata dalam percakapan dan tidak membantah suruhan mereka yang tidak menyalahi hukum syarak adalah merupakan salah satu cara menghormati dan menghargai mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ 17: 23:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِإِلَوَالِدِينِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تُقْلِلْ لَهُمَا أُفْ وَلَا تُتَّهِّرْ هُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha” dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)” (al-Jalalayn, 2006).

Biarpun terdapat perbezaan antara agama dalam perhubungan, kewajipan berbuat baik dengan ibu bapa dikekalkan sehingga nyawa dan roh dicabut dari badan kelak. Sebagaimana perhubungan perbezaan antara agama jelas ditonjolkan melalui sikap Nabi Ibrahim a.s semasa menyampaikan dakwah kepada ayahnya yang bukan beragama Islam (al- ‘Adawi, t.th).

b. Tanggungjawab Menziarahi

Adab menyambung silaturahim dan menziarahi dibolehkan Islam bagi memastikan hubungan tali persaudaraan akan bertambah baik dalam keluarga maupun masyarakat. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA berkata: Telah bersabda Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: "مَنْ سَرَهُ أَنْ يُبَسِّطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَأَنْ يُئْسَأَ لَهُ فِي أَثْرِهِ، فَلَيَصِلْ رَحْمَهُ"

Maksudnya: “Barang siapa yang suka diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah menyambung persaudaraan”. (al-Bukhari. Kitab Sahih Bukhari. Kitab al-Adab. Bab *Man Busito Lahu Fi al-Rezeki Bi Silati Rahmi*. No Hadis 5639. Hadis Sahih).

c. Tanggungjawab Memberi Nafkah

Peranan seorang anak adalah penting dalam menghulurkan nafkah kepada kedua orang tuanya meskipun berlainan agama. Sebagaimana yang dijelaskan dalam surah Luqman 31: 15:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهِمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفٌ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنْبَابَ إِلَيَّ إِلَيَّ مُرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuat denganKu sesuatu yang engkau – dengan fikiran sihatmu – tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka ; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan”.

Penjelasan ayat tersebut mengenai di sebalik kisah Saad bin Abi Waqqas yang dibantahi dan diugut oleh ibunya yang bukan Islam untuk mogok dengan menahan kelaparan oleh kerana beliau memeluk Islam. Saranan di sebalik kisah tersebut diterangkan melalui surah ini agar terus menjaga perhubungan siraturahim dan juga menziarahi dan menafkahi kedua ibu bapa bukan Islam (al-Qurtubi, 1967).

Mustafa al- Khin et. al. (2011) menerangkan kewajipan memberi nafkah kepada kedua ibu bapa walaupun wujudnya perbezaan agama. Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Asma' binti Abu Bakar RA katanya:

حَدَّيْتُ أَسْمَاءَ بْنَتَ أَبِي بَكْرِ الصَّدِيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَتْ: قَدِمْتُ عَلَيْ أُمِّي وَهِيَ مُشْرِكَةٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَاسْتَفْتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَلْتُ: قَدِمْتُ عَلَيْ أُمِّي وَهِيَ رَاغِبَةٌ، أَفَأُصْلِيُ أُمِّي؟ قَالَ: نَعَمْ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Ibuku menemuiku. Dia masih belum memeluk agama Islam. Ketika itu perjanjian damai antara orang Islam dengan orang kafir Quraisy telah termeterai. Kemudian, aku meminta fatwa daripada Rasulullah SAW dengan berkata: Wahai

Rasulullah! Ibuku datang sedangkan ibuku membenci Islam. Adakah aku perlu menghubungkan siraturahim dengannya? Lantas Baginda bersabda: Lakukanlah". (al Muslim. Kitab Sahih Muslim. Kitab *Al-Bir'ri wa Al-Silati wa Al-Adab. Bab Silati Asdiqo' Al-Ab wa Al-Um.* No Hadis 2552. Hadis Sahih).

#### d. Tanggungjawab Menghadiri Upacara Pengebumian

Rasulullah SAW memberi penghormatan kepada jenazah bukan Muslim seperti berdiri ketika jenazah melintasinya, pernah mengusung jenazah, melawat pesakit dan meraikan mereka yang bukan beragama Islam (Ahmad Shalaby, 2001).

Menurut Mazhab Syafie, orang Islam dibolehkan untuk memandikan, mengkafarkan dan mengebumikan jenazah bukan Islam (az-Zuhaily 2011). Contoh teladan terbaik Nabi Muhammad SAW yang membolehkan untuk memandikan, mengkafarkan dan mengebumikan mayat bukan Islam sekiranya perlu telah dijelaskan dalam hadis Ali bin Abi Talib RA yang bertemu dan mengkhabarkan tentang kematian Abu Talib. Maka Baginda SAW bersabda:

عَنْ عَلِيٍّ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ أَبَا طَالِبٍ مَاتَ . فَقَالَ "اذْهَبْ فَوَارِهْ " .  
قَالَ إِنَّهُ مَاتَ مُشْرِكًا . قَالَ " اذْهَبْ فَوَارِهْ " . فَلَمَّا وَارَيْتُهُ رَجَعْتُ إِلَيْهِ فَقَالَ لِي " اغْتَسِلْ " .

Maksudnya: Telah datang Ali RA kepada Nabi SAW lalu berkata: "Sesungguhnya Abu Talib telah mati". Berkata Nabi SAW: "Pergilah dan kebumikannya dia". Kata Ali RA: "Dia mati sebagai penyembah berhala". Kata Nabi SAW: "Pergilah dan kebumikannya dia". Setelah selesai mengebumikannya, Ali RA kembali kepada Nabi SAW Maka kata Nabi SAW kepadaku: "Mandilah". (al-Nasai'e. Kitab Sunan Nasai'e *Al-Soghir*. Kitab *Thaharah*. Bab 128 - *Al-Ghuslu Min Muwa'rhoti al-Musyrikin*. No Hadis 190. Hadis Sahih).

### Kesimpulan

Memeluk Islam bukan penghalang kepada sesuatu perhubungan kekeluargaan yang mencetuskan provokasi dengan menyatakan bahawa masuk Islam seperti telah mengkhianati asal-usul dan kehidupan silam. Ajaran Islam mensyariatkan untuk memuliakan golongan bukan Islam terutama sekali ibu bapa. Jelasnya, memeluk Islam bukan bermaksud terputus hubungan kekeluargaan, tetapi wajib mengekalkan hubungan interaksi kekeluargaan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak kepada kedua ibu bapa bukan Muslim dengan cara yang baik dan tidak melanggar hukum Islam.

### Rujukan

al-Quran Karim

Abi Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansori al-Qurtubi. 1967. *Al-Jamilil Ahkam al-Quran*, ed. Abdillah ibn abd al-Hassan al-Tarki. Al-Qahirah: Dar al-Katib al-arabi al-Tobaah wa al-nasyr.

- al-'Adawi, Muhammad Ahmad. T.th. *Da'wah al- Rusul Ila Allah*. Kaherah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Ahmad Shalaby. 2001. *Perbandingan Agama: Agama Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Mausuah al-Fiqhiah*. 1986. Jilid 6. Cetakan ke-2. Hlm 258. Kuwait: Za'tu al-Salasil.
- Aminudin Basir @ Ahmad & Akila Mamat. 2012. Dakwah Kepada Masyarakat Bukan Islam Menerusi Interaksi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Jilid 5: 77-89.
- Andek Masnah Andek Kelawa .1998. Hubungan Muslim Dengan Non Muslim Menurut Perspektif al-Quran. (dlm). Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. (pynt). *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azaruddin Bin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2014. Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim-Non Muslim Selepas Pemelukkan Agama: Kajian Kes Dalam Kalangan Mualaf Cina Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan* (23): Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Ku Shalihah bt. Che Ku Abdul Satar. 2004. Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita. Tesis B.A., Pengajian Islam. Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Gpeda, B.J. (1988). *A General Theory of Crime*. Stanford CA: Stanford University Press.
- Ibn Manzur. 2003. *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadr. 4: 217.
- Jalaludin, Muhamad bin Ahmad bin Muhamad al-Mahali & Jalaludin Abdul Rahman bin Abu Bakar al-Sayuti, al- Jalalayn. 2006. *Tafsir al-Jalalayn. Wa bihamisyati: al-Tubaiinu Lilmokholafa'tu wa Takwila'tu al-Waqa'atu fi Tafsir al-Jalalayn*. Jilid 2. Dar al-kayan.
- Kamus Dewan*. (2017). Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Farid Shahran. 2008. "Muza'arah Pendisiplinan Dialog Antara Agama dan Peradaban". Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 22 Jan. 2008.
- Muhamad Az-Zuhaily. 2011. *Al-Mu'tamad fi Fiqh al- Syafie*. Jil. 1-3. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mustafa Al-Khin et. al. (2011). Al- Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie. Penterjemah Zulkifle Mohamad al-Bakri et. al. Cetakan pertama. Jilid 3. Diterbitkan oleh: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my).
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan. 2007. <http://athirohtan.blogspot.com/2007/11/cabaran-psikologi-masyarakat-muslim.html>. Last visit: 2/19/20.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2017. Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam Di Johor. *Al-Hikmah* 9(1) 2017: 80-109.
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2006. *Kisah Saya: Saudara Baru*. PTS Publications & Distributors. Sdn. Bhd. Bentong: Pahang.
- Suraya Sintang. 2012. Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Baru. Tesis Phd Universiti Malaya.